

Headline	THT belum dabik dada		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Sukan	Page No	54
ArticleSize	375 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,190		



THT belum dabik dada

Pasukan Hoki Terengganu (THT) enggan mendabik dada selepas bergelar juara Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia 2019, sebaliknya akan terus memberi tumpuan terhadap saingan liga yang mula membuka tirainya kelmarin.

Jurulatihnya, I Vikneswaran berkata meskipun THT mempunyai bekal satu mata setelah memenangi piala itu buat pertama kali selepas menyertai liga sejak 2013, tetapi mereka tidak boleh memandang rendah pasukan lawan kerana setiap pasukan mempunyai kelebihan dan kekuatan masing-masing.

"Impian kita adalah untuk mengutip tiga mata dalam perlawanan ini dan kita sudah pun menang, ini adalah sejarah buat kita meskipun hanya dengan satu mata, kita akan teruskan berjuang dan perbaiki apa jua kekurangan pada aksi seterusnya nanti," katanya.

Dalam aksi Piala Sumbangsih bertemu UniKL kelmarin, kedua-dua pasukan terikat 2-2 sekali gus membawa perlawanan ke penentuan pu-

kulan penalti yang berkesudahan THT meraih kemenangan 3-1.

Mengulas lanjut, Vikneswaran berkata pasukannya mengambil serius aksi pertama saingan liga hari ini bertemu pasukan TNB Thunderbolts.

"Pasukan ini (TNB Thunderbolts) terdiri daripada pemain-pemain muda, dan kita tidak memandang rendah keupayaan mereka kerana mereka mempunyai ciri-ciri permainan seperti pasukan senior mereka, jadi kita akan lihat dan menyusun strategi terbaik bagi mengutip mata untuk perlawanan itu nanti," katanya.

Sementara itu, jurulatih UniKL, Arul Selvaraj menerima kekalahan itu dengan hati yang terbuka, namun mengakui sedikit kecewa kerana anak buahnya gagal memanfaatkan peluang mengutip mata pada suku masa pertama dan keempat perlawanan.

Katanya, faktor cuaca panas turut menyumbang kepada kelemahan pasukannya itu apabila dua pemain importnya belum dapat menyesuaikan diri dengan cuaca panas di negara ini.



FOTO: MHC

Pemain THT (jersi putih) cuba diasak pemain UniKL dalam aksi Piala Sumbangsih kelmarin.